

# PELAN TINDAK EKONOMI COVID 19

## MANIFESTO AHLI-AHLI PARLIMEN

---

---

Pandemik COVID-19 dan kemelesetan ekonomi seterusnya mendedahkan kegagalan dan kerapuhan sistem ekonomi kita sekarang yang mengutamakan kepentingan perniagaan daripada kesejahteraan orang ramai, persekitaran, memperdalamkan ketidaksamaan dan gagal melindungi yang golongan terjejas.

Oleh itu, sangat penting untuk kita mempraktikkan langkah-langkah yang bertujuan untuk memulih ekonomi dari pandemi COVID-19 untuk melepaskan diri dari masa lalu dan sebaliknya menuju ke arah ekonomi yang adil, lestari dan berdaya tahan yang dapat melindungi hak asasi manusia semua.

Beralih ke arah ekonomi yang lebih hijau dapat meningkatkan peluang pekerjaan, menawarkan perlindungan sosial kepada semua orang, dan bekalan makanan yang mampan, bukan sahaja akan membantu negara-negara ASEAN ini dengan cepat menangani impak kemelesetan ekonomi, tetapi juga untuk menghindari dan lebih tahan terhadap guncangan serupa di masa depan dan krisis.

Ahli-ahli parlimen dapat memainkan peranan penting dalam memastikan langkah-langkah yang bertujuan untuk pemulihan ekonomi dari pandemik COVID-19 dalam memajukan ekonomi yang adil, lestari dan berdaya tahan serta mempromosikan, melindungi dan menghormati hak asasi manusia semua.

Oleh itu, kami, ahli-ahli parlimen dari Asia Tenggara, berkomitmen untuk menggunakan kedudukan kami untuk:

1. Memajukan ekonomi yang menjadikan kenaikan suhu dunia hingga kurang dari 1.5 °C pada akhir abad ini, di mana semua, termasuk generasi akan datang, dapat menikmati hak asasi mereka tanpa bahaya dari perubahan iklim, pencemaran, penebangan hutan, sisa dan kerosakan alam sekitar dengan:

- 1.1 Memastikan bahawa langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi COVID-19 dan krisis ekonomi yang berkaitan tidak melemahkan, melainkan memperkuat lagi, langkah-langkah perlindungan alam sekitar yang ada dan pelaksanaannya;

- 1.2 Termasuk dalam rangsangan ekonomi, peningkatan sokongan langsung dan insentif kewangan kepada sistem tenaga boleh diperbaharui dan infrastruktur dan teknologi pelepasan kadar sifar yang sesuai dengan objektif Perjanjian Paris;

1.3 Menyelaraskan pakej perangsangan ekonomi kepada entiti sektor swasta, termasuk rantaian pembekalan mereka, untuk menurunkan kadar pencemaran, pelepasan, sisa dan kesan alam sekitar berbahaya yang lain dengan cara yang sesuai dengan Perjanjian Paris dan standard persekitaran serta hak asasi manusia antarabangsa yang lain; dan

1.4 Meningkatkan sumbangan negara-negara Asia Tenggara yang ditentukan dalam Perjanjian Paris untuk menjamin kesesuaiannya dengan objektif Perjanjian Paris.

2. Memajukan ekonomi di mana semua orang mendapat perlindungan sosial yang memadai dan akses kepada perkhidmatan awam, termasuk pada masa krisis dengan:

2.1. Memastikan bahawa langkah-langkah yang bertujuan untuk bertindak balas dan melindungi orang dari kesan pandemik COVID-19 mempertimbangkan kesan krisis yang dibezakan kepada mereka yang paling terpinggir dan terjejas termasuk, tetapi tidak terhad kepada, wanita, pendatang, orang LGBTQIA, orang kurang berkemampuan, pencari suka dan pelarian, orang asli, petani, etnik dan minoriti lain dan mereka yang bekerja dalam ekonomi tidak rasmi;

2.2. Mengadaptasi, memperluas dan meningkatkan skema perlindungan sosial kepada mereka yang berada dalam sektor ekonomi informal, pelarian dan pekerja migran dan lain-lain yang mungkin tidak termasuk pada masa ini; dan

2.3. Memastikan akses yang berpatutan dan berterusan bagi semua orang kepada perkhidmatan awam yang mencukupi dalam hal-hal yang berkaitan dengan kesihatan, pendidikan, pengangkutan, air, perumahan dan lain-lain, termasuk pada masa-masa krisis dan diamalkan tanpa diskriminasi.

3. Memajukan ekonomi dengan peluang yang dipertingkatkan untuk peluang pekerjaan, lestari dan selamat untuk semua, di mana pekerja, baik formal maupun tidak formal, dilindungi dengan baik dengan:

3.1. Menetapkan bantuan ekonomi kepada sektor swasta atas langkah-langkah yang diambil memastikan:

- Ketekunan hak asasi manusia dalam semua operasi, termasuk merentasi sempadan;
- Pelaksanaan dan perlindungan hak pekerja antarabangsa yang mencukupi, termasuk keadaan kerja dan gaji yang layak, hak ke tempat kerja yang selamat, kebebasan berhimpun dan kesatuan pekerja dan hak untuk perundingan bersama;
- Kesaksamaan jantina dalam pengambilan pekerja dan peluang pekerjaan dan tanpa diskriminasi gaji dan akses kepada kenaikan pangkat; dan
- Pengekalan pekerja, akses ke latihan dan peluang pekerjaan yang dipertingkatkan.

3. 2. Mengadopsikan langkah-langkah yang memastikan bahawa pekerja tidak rasmi, pekerja asing, wanita, LGBTQIA, pekerja yang kurang upaya dan kumpulan pekerja lain tidak dibuat untuk mengalami kesan yang tidak seimbang akibat krisis yang dihadapi oleh majikan mereka atau sebaliknya;

3. 3. Utamakan langkah-langkah yang menyokong dan meningkatkan pekerjaan dan pendapatan dengan:

- o Melabur dalam mewujudkan peluang pekerjaan hijau dan baik; dan
- o Menyasarkan langkah-langkah sokongan kepada perusahaan kecil dan sederhana dengan cara yang konsisten dengan ekonomi yang lestari dan adil.

4. Memajukan ekonomi yang dapat menjamin akses kepada makanan yang berpatutan dan berkhasiat, lestari dan sesuai dengan budaya dan barang keperluan lain dengan:

4.1. Menyokong langkah-langkah ke arah peningkatan keseimbangan makanan dan pengeluaran makanan ; dan barang keperluan lain yang dapat dilestarikan secara ekologi;

4.2. Menyesuaikan, memperluas dan meningkatkan program bantuan makanan dan barangan keperluan lain yang berkualiti untuk semua dengan harga yang berpatutan; dan

4.3. Memastikan bahawa perjanjian perdagangan antarabangsa dan serantau tidak mengancam akses yang berpatutan kepada makanan dan barang keperluan lain yang sihat, berpatutan, lestari serta sesuai dengan budaya pada masa krisis.

5. Berkomitmen untuk memastikan bahawa objektif dan langkah-langkah di atas dirancang dan dilaksanakan dengan penyertaan yang proaktif dari semua lapisan masyarakat;

6. Memohon kerajaan mempertimbangkan untuk membiayai langkah-langkah ini melalui peruntukkan dana dari agensi kerajaan yang tidak mempunyai peranan langsung dalam membanteras pandemi Covid-19, seperti dari anggaran tentera , kepada agensi yang, dan melalui peningkatan sumbangan sukarela dan cukai kepada syarikat dan individu yang kaya-  
raya.

7. Kami memohon kerjasama semua lapisan masyarakat dan agensi-agensi terlibat untuk menyertai kami dalam mencapai objektif ini.